

## BAB 2

### BIOGRAFI SYEIKH DAUD BIN ‘ABDULLAH AL-FATANI DAN METODOLOGI PENULISAN KITAB *FURŪ‘ AL-MASĀ’IL*

#### 2.1 BIOGRAFI SYEIKH DAUD BIN ‘ABDULLAH AL-FATANI

##### 2.1.1 Nama Lengkap, Panggilan, dan Gelaran:

Nama lengkap Syeikh Daud ialah Syeikh Wan Daud Bin Syeikh Wan ‘Abdullah Bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik Bin Tok Wan Abu Bakar Bin Tok Kaya Pandak Bin Andi (Faqih) ‘Ali Datuk Maharajalela. Beliau lebih dikenali dengan panggilan Tok Syeikh Daud Faṭani.<sup>1</sup>

Beliau terkenal dengan beberapa gelaran. Antaranya:

a. “*Syeikh*”

“Syeikh” adalah gelaran kehormat yang diberikan kepada Syeikh Daud sebagai pengiktirafan umat Islam atas segala sumbangan dalam bidang keagamaan dan keilmuan.

b. “*Al-‘Alīm al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbānī*”

“*Al-‘Alīm al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbānī*” merupakan gelaran tertinggi yang diberikan kepada Syeikh Daud oleh para guru dan murid beliau. Gelaran ini juga diperakukan oleh pemerintah kerajaan Turki Uthmani yang sedang berkuasa pada

---

<sup>1</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *Syeikh Daud Bin Abdullah Al-Fatani: Ulama’ dan Pengarang Terulung Asia Tenggara*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi, h. 22.

zamannya. Gelaran ini jelas menunjukkan pengiktirafan terhadap ketinggian ilmu yang dimiliki oleh Syeikh Daud.<sup>2</sup>

c. “*Syeikh Daud Wali Allah*” atau “*Syeikh Daud Keramat*”.

Beliau diberikan gelaran ini berdasarkan beberapa kisah keramat yang dikaitkan dengan beliau.<sup>3</sup>

d. “*Syeikh Daud Pengarang Kitab*”

Gelaran ini diberikan berdasarkan fakta bahawa beliau merupakan ulama Nusantara atau ulama dari Asia Tenggara yang paling produktif dalam penulisan kitab dalam mazhab Syafii.<sup>4</sup>

### **2.1.2 Tarikh dan Tempat Kelahiran:**

Syeikh Daud dilahirkan pada tahun 1720M/1133H di Kampung Kerisik, Patani.<sup>5</sup> Kerisik dipercayai merupakan ibu kota kerajaan Islam Patani<sup>6</sup> pada abad ke-13M/7H dan 14M/8H.<sup>7</sup>

---

<sup>2</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1985), *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya Di Asia Tenggara (1)*. Solo: CV. Ramadhani, h. 89-90.

<sup>3</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 50-53.

<sup>4</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1985), *loc. cit.*, h. 86.

<sup>5</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *Penyebaran Islam & Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, j. 10. Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah. h. 2-3.

<sup>6</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 20-22.

<sup>7</sup> Ahmad Zuhdi Ismail (2001), “Pemikiran Ulama Patani dalam Ilmu Kalam Satu Analisa” (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Patani, Thailand, 19-20 Mei 2001).

### 2.1.3 Bangsa, Keluarga dan Keturunan:

Syeikh Daud berbangsa Melayu kerana asal-usul keluarga dan keturunan sebelah bapa dan ibu beliau adalah dari Patani yang merupakan sebuah daripada negeri di kepulauan Melayu.<sup>8</sup>

Bapa Syeikh Daud bernama Syeikh Wan Abdullah Bin Syeikh Wan Idris @ Tok Wan Derasid @ Syeikh Wan Senik Bin Tok Wan Abu Bakar Bin Tok Kaya Pandak Bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela. Ibu Syeikh Daud pula, bernama Wan Fatimah Binti Wan Salamah Bin Tok Banda Wan Su Bin Tok Kaya Rakna Diraja Bin Andi (Faqih) Ali Datuk Maharajalela Bin Mustafa Datu Jambu (Sultan Abdul Hamid Shah) Bin Sultan Muzaffar Waliullah Bin Sultan Abu Abdullah ‘Umdatuddin. Keturunan daripada sebelah ibu dan bapa beliau bertemu pada Andi (Faqih) yang bergelar Datuk Maharajalela. Susur-galur keturunan daripada Faqih ‘Ali inilah yang dipercayai menghubungkan nasab Syeikh Daud dengan Rasulullah SAW. Keluarga beliau juga mempunyai pertalian dengan ulama dan pembesar Champa, Banten, Tarnate, Kelantan, Terengganu, Kedah, Johor dan tempat-tempat lain.<sup>9</sup>

Syeikh Daud merupakan anak sulung daripada enam orang adik beradik, iaitu Syeikh Wan ‘Abdul Qadir, Syeikh Wan ‘Abdul Rasyid, Syeikh Wan Idris, Syeikh Wan Nik dan seorang adik perempuan yang namanya belum diketahui. Keluarga ini kemudiannya telah berkembang menjadi satu rumpun keluarga yang besar dari rantau Nusantara sehingga ke Mekah.<sup>10</sup>

---

<sup>8</sup> Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Nusantara>, 2 Januari 2011.

<sup>9</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 9-13.

<sup>10</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 28-29.

Syeikh Daud pernah berkahwin. Walau bagaimanapun nama isteri dan keturunan sebelah isterinya tidak diketahui. Beliau tidak mempunyai anak. Oleh itu, beliau telah mengambil empat orang anak angkat. **Pertama**, Wan Fatimah Binti Wan Idris yang merupakan anak saudaranya. **Kedua**, Wan Zainab Binti Wan Idris yang juga merupakan anak saudaranya. **Ketiga**, Syeikh Muhammad Bin Ismail Daud al-Faṭani yang merupakan cucu saudaranya. **Keempat**, Syeikh ‘Abdul Qadir Bin ‘Abdul Rahman al-Faṭani yang juga merupakan cucu saudaranya. Syeikh Muhammad Bin Ismail Daud al-Faṭani dan Syeikh ‘Abdul Qadir Bin ‘Abdul Rahman al-Faṭani kemudiannya mengikuti sifat keilmuan beliau. Semua anak angkat ini dibesarkan dan dididik oleh beliau sendiri.<sup>11</sup>

#### **2.1.4 Sifat dan Watak Peribadi:**

##### **a. Sifat Fizikal**

Maklumat tentang sifat fizikal Syeikh Daud masih belum ditemui lagi kerana sifat fizikal ulama ternama ini tidak pernah disebut oleh para pengkaji yang terdahulu.

##### **b. Sifat Intelektual dan Watak Peribadi**

Sifat intelektual dan watak peribadi Syeikh Daud dapat ditemui secara tersirat berdasarkan penelitian terhadap tulisan-tulisan beliau. Antara sifat beliau yang dapat dirumuskan ialah warak, sangat merendah diri, ikhlas, sering mengaku banyak berdosa, sentiasa mengaku lemah, tidak berdaya dan banyak bergantung kepada Allah SWT.<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 14-18.

<sup>12</sup> Daud Bin ‘Abdullah al-Faṭani (t.t), *Jawāhir al-Saniyyah*. Singapura: Maktabah Sulayman Mar’i, h. 1-3; Daud Bin ‘Abdullah al-Faṭani (1913), *Ward al-Zawāhir*. Makkah: Matba‘ah al-Miṣrīyah, h. 422.

### 2.1.5 Tarikh dan Tempat Kewafatan:

Syeikh Daud meninggal dunia pada tahun 1879M/1297H,<sup>13</sup> ketika berumur 159 tahun Masihi atau 164 tahun Hijriah.<sup>14</sup> Beliau meninggal dunia dan dimakamkan di Taif<sup>15</sup> berdekatan dengan kubur Sayidina ‘Abd Allāh Bin ‘Abbās sepupu Rasulullah SAW. Namun kemudiannya jenazah beliau dipindahkan ke Mekah.<sup>16</sup>

### 2.1.6 Pendidikan:

#### a. Pendidik

Syeikh Daud mendapat pendidikan awal dalam lingkungan keluarga beliau sendiri. Antara guru beliau ialah bapa beliau, Syeikh Wan Abdullah, datuk beliau Syeikh Wan Idris<sup>17</sup> dan bapa saudara beliau Syeikh Şafiyuddin.<sup>18</sup> Mereka merupakan ulama besar pada zaman itu.<sup>19</sup> Beliau juga turut berguru dengan hampir semua ulama yang berada di Kerisik pada ketika itu.<sup>20</sup> Antara guru beliau ialah Syeikh ‘Abdul Rahman Pauh Bok al-Faṭani.<sup>21</sup>

Selepas menerima pelajaran asas Islam yang merupakan ilmu tauhid, nahu dan saraf<sup>22</sup> selama lima tahun di Patani,<sup>23</sup> Syeikh Daud melanjutkan pelajaran di Aceh selama dua tahun. Di Aceh beliau berguru dengan Syeikh Muhammad Zain

---

<sup>13</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 41.

<sup>14</sup> Perbezaan ini berlaku kerana perbezaan jumlah hari dalam setahun. Menurut kalendar Hijriah, dalam setahun ada 354 hari atau 355 hari. Sedangkan menurut kalendar Masihi, dalam setahun ada 365 hari atau 366 hari.

<sup>15</sup> Terletak di wilayah Mekah, Arab Saudi. Jaraknya dari Mekah lebih kurang 60 k.m.

<sup>16</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 24.

<sup>17</sup> *Ibid.*

<sup>18</sup> Ismail Che Daud (1988), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 4.

<sup>19</sup> *Op. cit.*.

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *op. cit.*, h. 5.

<sup>22</sup> *Op. cit.*.

<sup>23</sup> Ismail Che Daud (1988), *op. cit.*, h. 4.

Aceh.<sup>24</sup> Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran di Mekah selama 30 tahun dan di Madinah selama lima tahun.<sup>25</sup>

Syeikh Daud menuntut ilmu dengan para ulama tempatan dan juga ulama Patani yang bermastautin di Mekah dan Madinah. Secara ringkasnya, di sini disenaraikan nama-nama guru Syeikh Daud di Mekah dan Madinah. Antaranya ialah:

1. Syeikh Muhammad Saleh Bin ‘Abdul Rahman al-Faṭāni
2. Shaykh Muḥammad Ṣāliḥ Bin Ibrāhīm al-Ra’īs
3. Shaykh ‘Aṭa’ Allāh Bin Aḥmad al-Azharī al-Makkī
4. Shaykh al-Islām Muḥammad Bin Sulaymān al-Kurdī
5. Shaykh Muḥammad As‘ad Bin Shaykh Muḥammad Sa‘īd Ṭāhir
6. Shaykh Muḥammad Bin ‘Abd al-Karīm Sammān al-Madanī<sup>26</sup>
7. Shaykh ‘Īsā Bin Aḥmad al-Barrāwī
8. Shaykh al-Sayyid al-Sharīf al-Marzūqī
9. Shaykh Muḥammad Bin ‘Alī al-Shanawānī
10. Syeikh ‘Ali Bin Ishaq al-Faṭāni<sup>27</sup>
11. Shaykh Sulaymān Bin Yaḥyā Bin ‘Umar Maqbūl al-Aḥdal<sup>28</sup>
12. Syeikh Muhammad Nafis Bin Idris Bin Hussain al-Banjari.<sup>29</sup>
13. Shaykh ‘Abd Allāh Bin Ḥijāzī al-Sharqāwī
14. Shaykh Ibrāhīm Bin Muḥammad al-Ra’īs al-Zamzamī al-Makkī
15. Muḥammad Sa‘īd Bin Muḥammad Ṣafar al-Madanī al-Ḥanafī<sup>30</sup> dan lain-lain.

---

<sup>24</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 32.

<sup>25</sup> *Ibid.*, h. 25.

<sup>26</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1985), *loc. cit.*, h. 90.

<sup>27</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 33-39.

<sup>28</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 5.

<sup>29</sup> Ismail Che Daud (1988), *loc. cit.*, h. 9.

Syeikh Daud belajar dengan ramai ulama yang besar dan terkemuka walaupun setelah beliau sendiri diiktiraf sebagai ulama. Beliau mempelajari berbagai-bagai aliran mazhab dan iktikad. Namun begitu, pegangannya tetap dalam mazhab Syafii dalam fiqh dan Ahli Sunah Waljamaah dalam iktikad. Pengetahuan beliau pula, menyeluruh bukan sahaja dalam bidang fiqh, aqidah dan tasawuf malah merangkumi ilmu perubatan, matematik dan falak.<sup>31</sup>

#### **b. Anak Didik**

Pendidikan yang diperolehi oleh Syeikh Daud selama lebih 42 tahun sehingga diberi gelaran *al-‘Ālim al-‘Allāmah al-‘Ārif al-Rabbānī*<sup>32</sup> membolehkan beliau menguasai pelbagai ilmu dalam bidang pengajian Islam. Pengetahuan yang dimilikinya itu diajarkan melalui majlis-majlis ilmu termasuk di Masjidilharam. Kuliah-kuliah yang disampaikan oleh beliau sentiasa dihadiri oleh pelbagai golongan pelajar termasuklah para jemaah haji yang datang dari setiap pelosok dunia.<sup>33</sup> Antara murid-murid Syeikh Daud yang berjaya menjadi ulama besar dan tokoh yang terkemuka ialah:

1. Syeikh ‘Abdul Halim Kelantan
2. Hj. Jamaluddin Bin Lebai Muhamad Kelantan
3. Syeikh ‘Ali Bin Ishaq al-Faṭāni
4. Syeikh Wan Hassan Bin Ishaq Besut al-Faṭāni
5. Syeikh Muhammad Zain Bin Mustafa al-Faṭāni
6. Syeikh Wan Musa al-Faṭāni
7. Hj. Muhammad Saleh Khatib al-Faṭāni

---

<sup>30</sup> Mohd Zain Abd Rahman (2000), “Biografi Shaykh Dawud Al-Fatani: Satu Penilaian Semula”, *al-Hikmah*, bil. 2, tahun 6 2000, h. 55.

<sup>31</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc.cit.*, h. 33-34.

<sup>32</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1985), *loc. cit.*, h. 89-90.

<sup>33</sup> Ismail Che Daud (1988), *loc. cit.*, h. 29.

8. Syeikh Abdul Şamad Pulai Condong Kelantan
9. Syeikh Abdul Malik Bin ‘Isa Terengganu
10. Syeikh Zainuddin Aceh
11. Syeikh Ahmad Khatib Bin Abdul Ghafar Sambas
12. Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahman al-Faṭani
13. Syeikh Muhammad Bin Ismail Daud al-Faṭani
14. Syeikh Muhammad Zainuddin Bin Muhammad al-Badawi Sumbawi
15. Raja Haji Ahmad Bin Raja Haji Riau
16. Raja ‘Ali Haji Riau
17. Raja Haji ‘Abdullah @ Marhum Mursyid Riau
18. Syeikh Ismail Bin ‘Abdullah Minangkabau
19. Syeikh Muhammad Saleh Bin Murid Al-Rawa
20. Muhammad Saleh Bin Sunan Maulana Qadi @ Tengku Tembusai
21. Sultan Muhamad Safiyuddin Sambas
22. Lebai Din Bin Long al-Faṭani<sup>34</sup>
23. Syeikh Wan ‘Abdullah Bin Muhammad Amin Terengganu<sup>35</sup> dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, hanya lima daripada 23 orang murid Syeikh Daud yang telah dinyatakan di atas yang menyerlah dan menonjol dalam memberikan sumbangan dalam bidang masing-masing. Antaranya ialah, *pertama*, Syeikh Abdul Qadir Bin Abdul Rahman al-Faṭani. Beliau ialah mahaguru tasawuf di Mekah yang mengajar berbagai-bagai tarekat terutama Tarekat *Shaṭṭārīyyah*. *Kedua*, Syeikh Muhammad Bin Ismail Daud al-Faṭani yang merupakan pengarang kitab *Maṭla‘ al-Badrayn wa Majma‘ al-Baḥrayn* yang merupakan kitab fiqh lengkap yang sangat

---

<sup>34</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc.cit.*, h. 42.

<sup>35</sup> Ismail Che Daud (1988), *op. cit.*, h.30.



terkenal dan menjadi rujukan sehingga kini.<sup>36</sup> **Ketiga**, Syeikh Muhammad Saleh Bin Murid al-Rawa. Beliau ialah penulis satu karya besar bertajuk *Fath al-Mubīn* yang merupakan komentar bagi kitab Hadis 40 karya al-Imām al-Nawawī yang pertama dalam bahasa Melayu. **Keempat**, Raja Ali Haji Riau, tokoh bahasa Melayu yang sangat terkenal dalam kajian atau perbahasan sastera di alam Melayu. **Kelima**, Muhammad Safiyuddin yang merupakan Sultan kerajaan Sambas.<sup>37</sup> Ketika pemerintahannya kemajuan Islam dalam kerajaannya telah berada di kemuncak. Di samping itu, Sultan Sambas ini juga telah mendirikan sebuah masjid agung sebagai pusat penyebaran Islam dalam kerajaannya.<sup>38</sup>

### **2.1.7 Sumbangan:**

#### **a. Sumbangan dalam Bidang Penulisan**

Sumbangan Syeikh Daud yang terbesar pada zamannya ialah dalam bidang penulisan. Syeikh Daud telah tampil dengan sejumlah besar karyanya dalam pelbagai disiplin pengajian Islam. Justeru beliau telah diangkat sebagai ulama yang paling prolifk di rantau Nusantara kerana banyaknya karya-karya yang dihasilkan sepanjang hidupnya.<sup>39</sup> Karya-karya ini dikenali sebagai “kitab jawi” yang merujuk kepada buku-buku dalam pengajian Islam yang ditulis dalam bahasa Melayu klasik menggunakan huruf-huruf Arab. Selain itu, beliau juga berkarya dalam bahasa Arab,

---

<sup>36</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991a), “Mengkaji Karya Besar Kitab Al Bahrul Wafi Syeikh Muhammad Bin Ismail Daud Al Fatani”, *Jurnal Dewan Bahasa*, Mei 1991, h. 440.

<sup>37</sup> Sambas adalah sebuah wilayah yang terletak di Kalimantan Barat, Indonesia.

<sup>38</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 46-49.

<sup>39</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1985), *loc. cit.*, h. 86; Azyumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, c. 2. Bandung: Penerbit Mizan, h. 266.

tetapi ia tidak tersebar dengan meluas di rantau Asia Tenggara, berbanding dengan bahasa Melayu yang banyak tersebar dan dipelajari di Alam Melayu.<sup>40</sup>

Karya terawal beliau ialah *Kifāyah al-Muhtaj fī al-Isrā' wa al-Mi'rāj* yang ditulis pada tahun 1204H/1789M.<sup>41</sup> Manakala karya terakhir beliau ialah *al-Bahjah al-Mardīyyah* yang dihasilkan pada tahun 1259H/1843M.<sup>42</sup> Karya fiqh beliau yang paling lengkap dalam fiqh mazhab Syafii ialah *Hidāyah al-Muta'allim*. Buku ini selesai ditulis pada 1244H/1828M. Selain itu, *Ward al-Zawāhir* yang dihasilkan pada 1245H/1829M merupakan karya beliau yang paling lengkap mengenai aqidah. *Furū' al-Masā'il* pula merupakan karya agung beliau dalam bidang fiqh,<sup>43</sup> karya beliau yang paling besar<sup>44</sup> dan karya puncak dalam bidang fiqh di Nusantara.<sup>45</sup> *Furū' al-Masā'il* ditulis pada 1254H/1838M dan dapat disiapkan pada 1257H/1841M.<sup>46</sup> Jumlah keseluruhan karya beliau menjangkau 101 judul, tetapi hanya 66 judul sahaja yang dapat dikenal pasti dan ditemui sehingga kini.<sup>47</sup> Semua 66 judul ini boleh diklasifikasikan kepada lima kategori iaitu:

**Pertama**, kategori fiqh dengan 22 judul iaitu:

1. *Bughyah al-Ṭullab li Murīd Ma'rifah al-Aḥkām bi al-Ṣawāb*, tanpa tarikh.

---

<sup>40</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 27.

<sup>41</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 17.

<sup>42</sup> Faudzinaim Hj. Badaruddin (2001), "Syekh Daud Al-Fatani dan Tasawuf" (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Kolej Pengajian Islam Prince of Songkla, Thailand, 19-20 Mei 2001), h. 4.

<sup>43</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998), "Peranan dan Sumbangan Syekh Daud Bin Abdullah al-Fatani dalam Kesusasteraan Klasik" (Kertas Kerja Seminar Kesusasteraan Melayu Tradisional di Kuala Lumpur, 2-3 September 1998).

<sup>44</sup> Fauzi Deraman (1997), "Kedudukan Hadith dalam Kitab Jawi: Satu Kajian Terhadap Karya-Karya Syekh Dāwūd Bin 'Abdallah al-Faṭānīy" (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 367-368.

<sup>45</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya hingga Abad ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 138.

<sup>46</sup> Fauzi Deraman (2010), *Hadith dalam Karya Syekh Daud al-Fatani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 42.

<sup>47</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 13-27.

2. *Ṣayd al-Dhabā'ih*, tanpa tarikh.
3. *Risālah al-Masā'il*, tanpa tarikh.
4. *Kayfīyyah Ṣalāh al-Tarāwīh*, tanpa tarikh.
5. *Tuḥfah al-Rāghibīn fī Sulūk al-Muttaqīn*, juzuk 2, ditulis pada 1233H/1817M.
6. *Ghāyat al-Taqrīb fī al-Irth wa al-Ta'ṣīb*, ditulis pada 1226H/1811M.
7. *Bulūgh al-Marām Pada Bicara Kaiḫiat Muqāranah Takbīr al-Iḥrām*, ditulis pada 1227H/1812M.
8. *Ghāyah al-Marām* atau *Manāsik al-Ḥajj wa al-'Umrah*, ditulis pada 1229H/1813M.
9. *Munyah al-Muṣallī*, ditulis pada 1242H/1826M.
10. *Sullam al-Mubtadī fī Ma'rifah Ṭarīq al-Muhtadī*, ditulis pada 1252H/1836M.
11. *Hidāyah al-Muta'allim wa 'Umdah al-Mu'allim*, ditulis pada 1244H/1828M.
12. *Īdāh al-Bāb li Murīd al-Nikāḥ bi al-Ṣawāb*, ditulis pada 1224H/1809M.
13. *Faḥ al-Mannān*, ditulis pada 1249H/1833M.
14. *al-Jawāhir al-Sanīyyah*, ditulis pada 1252H/1836M.
15. *Furū' al-Masā'il wa Uṣūl al-Wasā'il*, ditulis mulai 1254H/1838M, dan selesai pada 1257H/1841M.
16. *Al-Bahjah al-Marḍīyyah*, ditulis pada 1259H/1843M.
17. *Qismah al-Zakāh Bayn al-Aṣnāf*, tanpa tarikh.
18. Fatwa Berjual Beli dengan Orang Kafir, tanpa tarikh.
19. Hukum *Ḥayḍ* dan *Istiḥāḍah*, tanpa tarikh.
20. *Nubdhah fī Bayān Shurūṭ al-Jumu'ah*, tanpa tarikh.

21. *Ta'liq al-Laṭīf* atau *Ḍiyā' al-Lam'ah*, ditulis pada 1233H/1816M.
22. *Jawab bagi Soal yang Datang dari Fatani Darussalam*, tanpa tarikh.

**Kedua**, kategori aqidah atau Usuluddin dengan 12 judul yang terdiri daripada:

1. *Ḍiyā' al-Murīd fī Ma'rifah Kalimah al-Tawḥīd*, selesai ditulis pada 18 Zulkaedah 1247H/20 April 1832M.
2. *Al-Bahjah al-Sanīyyah fī 'Aqā'id al-Sanīyyah* atau *Taḥṣīl Nayl al-Marām li Bayān Sharḥ 'Aqīdah al-'Awwām*, tanpa tarikh.
3. *Sifat Dua Puluh*, tanpa tarikh.
4. *Kifāyah al-Mubtadī' fī Uṣūl I'tiqād al-Murshidīn*, tanpa tarikh.
5. *Risālah al-Ta'alluq bi Kalimah al-Īmān*, tanpa tarikh.
6. *Al-Durr al-Thamīn fī 'Aqā'id al-Mu'minīn*, ditulis pada 1232H/1816M.
7. *Nahj al-Rāghibīn*, Juzuk 1, ditulis pada 1226H/1811M.
8. *Nahj al-Rāghibīn*, Juzuk 2, ditulis pada 1234H/1818M
9. *'Iqdah al-Jawāhir*, ditulis pada 1245H/1829M.
10. *Ward al-Zawāhir li Ḥill Alfāz 'Iqd al-Jawāhir*, ditulis pada 1245H/1829M.
11. *Farā'id Fawā'id al-Fikr fī al-Imām al-Maḥdī*, ditulis pada 1215H/1800M.
12. *Sharḥ Qasīdah Ibn al-Wara*, tanpa tarikh.

**Ketiga**, kategori tasawuf dengan 12 judul iaitu:

1. *Waṣāyā al-Abrār wa Mawā'iz al-Akhyār*, tanpa tarikh.
2. *Tarjamah Bidāyah al-Hidāyah*, tanpa tarikh.
3. *Manhal al-Ṣāfī fī Bayān Ramz Ahl al-Ṣūfī*, tanpa tarikh.

4. *Bishārah al-Ikhwān bi Asbāb al-Mawt ‘alā al-Īmān*, ditulis pada 1220H/1805M.
5. *Al-Qurb ilā Allāh*, tanpa tarikh.
6. *Muqaddimah al-Kubrā*, tanpa tarikh.
7. *Minhāj al-‘Ābidīn ilā Jannah Rabb al-Ālamīn*, ditulis pada 1240H/1824M.
8. *Kanz al-Minan*, ditulis pada 1240H/1842M.
9. *Sharḥ Matn al-Ḥikām li ‘Allāmah Ibn Ruslān al-Dimashqī* (ditulis dalam bahasa Arab), tanpa tarikh.
10. *Al-Tanbīh* (ditulis dalam bahasa Arab), tanpa tarikh.
11. *Risālah Ṭarīqah al-Shaṭṭārīyyah wa al-Samānīyyah*, tanpa tarikh.
12. *Ilmu Tasawuf*, ditulis pada 1233H/1817M.

**Keempat**, kategori sejarah dengan 7 judul iaitu

1. *Qiṣṣah Nabī Yūsuf ‘Alayh al-Salām*, tanpa tarikh.
2. *Hikayat Laki-laki yang Soleh*, belum ditemui.
3. *Tārīkh al-Faṭānī*, ditulis pada 1228H/1813M
4. *Kifāyah al-Muḥtāj fī al-Isrā’ wa al-Mi‘rāj*, ditulis pada 1204H/1789M
5. *Al-Muswaddah*, ditulis pada 9 Rabiulawal 1234H/1818M.
6. *Jam‘ al-Fawā’id wa Jawāhir al-Qalā’id*, ditulis pada 1239H/1823M.
7. *Sharḥ Mawlid Sharf al-Anām*, ditulis pada 8 Muharam 1230H/1815M.

**Kelima**, kategori pelbagai yang terdiri daripada 13 judul iaitu

1. *Kashf al-Ghummah*, ditulis pada 1238H/1822M.
2. *Kayfīyyah Khatam al-Qur’ān*, tanpa tarikh.

3. *Tanbīh al-Ghāfilīn*, tanpa tarikh.
4. *Kifāyah al-Jāwīyyah*, tanpa tarikh.
5. *Jihāyah al-Takhtub*, tanpa tarikh.
6. *Mudhākarah al-Ikhwān*, ditulis pada 1249H/1833M.
7. Risalah Kelebihan *Basmalah*, tanpa tarikh.
8. Risalah Kelebihan *Ḥamdalah*, tanpa tarikh.
9. *Al-Bahjah al-Wardīyyah*, ditulis pada 1259H/1843M.
10. *Tuhfah al-Ikhwān fī Niṣf al-Sha‘bān*, tanpa tarikh.
11. *Hikayat Wali Allah Syeikh ‘Abdul Rahman Pauh Bok Al-Faṭani*, tanpa tarikh.
12. *Risālah Mudhākarah*, tanpa tarikh.
13. *Saudagar Miskin*, selesai ditulis pada Ahad, 5 Ramadan 1233H/1817M.

Sumbangan dan peranan yang dimainkan oleh Syeikh Daud dalam bidang penulisan ini terutama penulisan kitab-kitab jawi adalah yang paling ketara dalam usaha memupuk pembinaan tamadun Islam di alam Melayu. Peranan ini amat besar maknanya dalam memantapkan pemahaman masyarakat Islam mengenai berbagai-bagai aspek ajaran Islam dan memupuk budaya ilmu dan pemikiran Islam.

Karya-karya yang beliau hasilkan ini tidak hanya menjadi teks pengajian dan rujukan pada zaman beliau sendiri malah terus digunakan lebih seratus tahun kemudian. Karya-karyanya bukan hanya tersebar di rantau Nusantara malah sehingga ke Turki dan Afrika Selatan.<sup>48</sup>

---

<sup>48</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1985), *loc. cit.*, h. 86.

## **b. Sumbangan dalam Bidang Pendidikan**

Selain menulis Syeikh Daud juga memberi sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan melalui peranannya sebagai pendidik dan pendakwah. Semasa hayatnya, beliau telah diberi penghormatan untuk menjadi salah seorang daripada tenaga pengajar yang diberi tauliah untuk mengajar di Masjidilharam, Mekah.<sup>49</sup> Di samping itu, beliau turut mengajar di tempat-tempat yang lain jika perlu.<sup>50</sup> Syeikh Daud dalam kesibukannya menulis dan menjadi Syeikh Haji, beliau tetap bersedia mengorbankan masa dan tenaganya untuk mengajar melalui kuliah-kuliah dalam pelbagai disiplin ilmu Islam seperti fiqh, aqidah dan tasawuf. Kuliah-kuliah yang disampaikan oleh beliau sentiasa dihadiri oleh pelbagai golongan pelajar termasuklah para jemaah haji yang datang dari setiap pelosok dunia.<sup>51</sup>

Kesungguhan Syeikh Daud dalam menyebarkan dan meninggikan syiar Islam jelas dilihat melalui usaha beliau mendirikan rumah wakaf keluarga yang besar di kampung Kerisik, Patani tanah kelahirannya. Rumah ini didirikan apabila beliau pulang ke tanah kelahirannya setelah beberapa lama berada di Mekah. Rumah ini berfungsi sebagai tempat beliau mengajar dan sebagai wakaf keluarga.<sup>52</sup>

Sebahagian besar daripada murid-murid Syeikh Daud berjaya menjadi ulama besar dan tokoh yang terkemuka yang kemudiannya memberi sumbangan yang tidak kurang hebatnya dalam menyebarkan dan meninggikan syariat Islam di mana sahaja mereka berada.<sup>53</sup>

---

<sup>49</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 26.

<sup>50</sup> Ismail Che Daud (1988), *loc. cit.*, h. 29.

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 11.

<sup>53</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 42-50.

### c. Sumbangan dalam Bidang Kemasyarakatan

Sumbangan kemasyarakatan Syeikh Daud yang utama pada zaman beliau ialah menjadi ketua para Syeikh Haji dan ketua Syeikh Haji Tanah 'Jawi' (Melayu). Bagi memastikan keselesaan para jemaah haji kelolaan beliau, Syeikh Daud telah membeli sebuah rumah khas di Madinah pada tahun 1824M/1240H.<sup>54</sup>

Khidmat yang diberikan oleh Syeikh Daud sebagai ketua para Syeikh Haji dan ketua Syeikh Haji Tanah 'Jawi' ini sangat besar maknanya kepada para jemaah haji seluruh dunia terutama jemaah haji dari rantau Nusantara. Hal ini kerana Syeikh Haji bertanggungjawab membimbing mereka dalam melaksanakan ibadat haji, menjaga kebajikan, menjaga keselamatan dan menguruskan segala urusan yang bersangkutan paut dengan jemaah haji. Oleh itu, para jemaah haji dapat melaksanakan haji dengan lancar dan selesa walaupun berada di tempat yang asing bagi mereka.

#### 2.1.8 Kelebihan:

Antara kelebihan Sheikh Daud adalah seperti berikut:

1. Syeikh Daud adalah orang pertama yang mengambil inisiatif membentuk satu pasukan yang bertugas sebagai pengurus hal-ehwal jemaah haji yang dikenali sebagai Syeikh Haji di Mekah dan Madinah. Beliau telah dilantik sebagai ketua para Syeikh Haji. Oleh itu, beliau telah menjadi Ketua Syeikh Haji yang pertama dan juga Ketua Syeikh Haji *Jamā'ah al-Jāwī* (Jemaah Haji dari rantau Nusantara) yang pertama.<sup>55</sup>

---

<sup>54</sup> Ismail Che Daud (1988), *loc. cit.*, h. 30.

<sup>55</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2001b), "Ulama-Ulama Patani: Satu Paparan Ketokohan dan Karya Mereka" (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara 1: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani di Patani, Thailand, 19-20 Mei 2001).



2. Syeikh Daud merupakan orang Melayu pertama yang diberi tauliah menjadi imam dan khatib di Masjidilharam, Mekah.<sup>56</sup>
3. Syeikh Daud merupakan ulama dunia Melayu yang paling banyak menghasilkan karya dalam bahasa Melayu dalam bidang pengajian Islam.<sup>57</sup>
4. Kitab-kitab karya Syeikh Daud paling banyak digunakan sebagai sukatan pelajaran dan rujukan dalam pengajian Islam sejak zaman beliau masih hidup hinggalah pada zaman sekarang.<sup>58</sup>
5. Ketokohan Syeikh Daud dalam bidang penulisan fiqh diakui oleh semua lapisan ulama di alam Melayu bahkan oleh ulama berbangsa Arab juga.<sup>59</sup>
6. Syeikh Daud merupakan ulama utama Melayu-Indonesia dalam masa transisi antara abad ke-18M dan ke-19M.<sup>60</sup>
7. Syeikh Daud bukan sahaja seorang faqih besar malah merupakan seorang sufi *par excellence*, yang mempersembahkan sejumlah besar tulisan mengenai ilmu tasawuf dan ilmu kalam.<sup>61</sup>
8. Syeikh Daud merupakan ulama Melayu yang pertama menulis ilmu *uṣūl al-fiqh* dalam bahasa Melayu, walaupun penulisan itu hanya dibuat secara ringkas sahaja dalam kitab beliau *Fath al-Mannān*.<sup>62</sup>
9. Syeikh Daud merupakan ulama Melayu pertama yang menghasilkan kitab fiqh dalam mazhab Syafii yang lengkap dengan judul *kitāb, rubu'*,

---

<sup>56</sup> *Ibid.*

<sup>57</sup> *Ibid.*

<sup>58</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991b), "Sumbangan Syeikh Daud al-Fatani kepada Pengajian Fiqhi Syafi'i Di Asia Tenggara" (Kertas Kerja Nadwah Ilmiah Tokoh Ulama Peringkat Kebangsaan Kali Ke-4 (Syeikh Daud Bin Abdullah al-Fatani) di Pusat Islam, Kuala Lumpur, 17-19 Disember 1991).

<sup>59</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 99.

<sup>60</sup> Azyumardi Azra (1995), *loc. cit.*

<sup>61</sup> *Ibid.*

<sup>62</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1991b), *loc. cit.*.

*bāb dan faṣal* melalui karyanya yang berjudul *Hidāyah al-Muta‘allim wa ‘Umdah al-Mu‘allim*.<sup>63</sup>

10. Syeikh Daud merupakan ulama Melayu pertama yang menulis kitab Jawi dalam bentuk komentar melalui karyanya yang berjudul *Sullam al-Mubtadī fi Ma‘rifah Tariqah al-Muhtadī*.<sup>64</sup>

### **2.1.9 Kronologi Ringkas Perjalanan Hidup Syeikh Daud:**

Para penulis biografi Syeikh Daud tidak sependapat tentang kronologi perjalanan hidup beliau. Hal ini berlaku disebabkan percanggahan fakta dalam menentukan tarikh kelahiran dan kematian beliau. Di samping itu, sumber rujukan yang diperolehi juga turut menimbulkan perselisihan pendapat dalam kalangan mereka. Dalam menulis kronologi ringkas perjalanan hidup Syeikh Daud ini, pengkaji akan mengutamakan pendapat Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah kerana beliau merupakan penyelidik dan penulis biografi ulama Nusantara yang utama dan prolific. Tambahan pula, beliau adalah daripada keturunan Syeikh Daud sendiri.<sup>65</sup> Justeru, kronologi ringkas perjalanan hidup Syeikh Daud adalah seperti berikut:

#### **a. Patani (1133H-1143H / 1720M-1730M)**

Syeikh Daud dilahirkan pada 1133H/1720M dan seterusnya mendapat pendidikan awal, seawal umur lima tahun dalam lingkungan keluarga beliau sendiri. Antara guru beliau ialah bapa beliau, Syeikh Wan ‘Abdullah, datuk beliau Syeikh Wan Idris<sup>66</sup> dan bapa saudara beliau Syeikh Şafiyuddin.<sup>67</sup> Mereka semua merupakan ulama besar

---

<sup>63</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2001a), “Tokoh dan Karya Ulama-Ulama Pattani Sebagai Rujukan Nusantara” (Kertas Kerja Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara di Brunei Darussalam, 20-23 Ogos 2001).

<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> Pusat Pembangunan Pondok Berhad, <http://epondok.wordpress.com.>, 13Julai 2011.

<sup>66</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 24.

<sup>67</sup> Ismail Che Daud (1988), *op. cit.*, h. 4.

pada zaman itu.<sup>68</sup> Beliau juga turut berguru dengan hampir semua ulama yang berada di Kerisik pada ketika itu.<sup>69</sup> Antara guru beliau ialah Syeikh ‘Abdul Rahman Pauh Bok al-Faṭani.<sup>70</sup>

**b. Aceh (1144H-1146H / 1731M-1733M)**

Syeikh Daud melanjutkan pelajaran di Aceh selama dua tahun. Semasa di Aceh beliau berguru dengan Syeikh Muhammad Zain Aceh.<sup>71</sup>

**c. Mekah (1147H-1177H / 1734M-1764M)**

Syeikh Daud kemudiannya, melanjutkan pelajaran di Mekah selama 30 tahun.<sup>72</sup> Antara guru beliau ialah Syeikh Saleh bin Abdul Rahman al-Faṭani, Syeikh ‘Ali Ishaq al-Faṭani, Syeikh Muhammad Saleh Bin Ibrahim dan Shaykh ‘Aṭā’ Allāh bin Aḥmad al-Azharī al-Makkī.<sup>73</sup>

**d. Madinah (1178H-1183H / 1764M-1769M)**

Seterusnya Syeikh Daud melanjutkan pelajaran di Madinah pada 1178H/1764M. Beliau belajar di sana selama 5 tahun sehingga 1183H/1769M.<sup>74</sup> Antara guru beliau ialah Shaykh Muḥammad Bin Sulaymān al-Kurdī dan Shaykh Muḥammad Bin ‘Abd al-Karīm Sammān al-Madanī<sup>75</sup>

---

<sup>68</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 5.

<sup>71</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 32.

<sup>72</sup> *Ibid.*, h. 25.

<sup>73</sup> *Ibid.*, h. 33-35.

<sup>74</sup> *Ibid.*, h. 25.

<sup>75</sup> *Ibid.*

**e. Sambas (1246H-1248H / 1830M-1832M)**

Syeikh Daud mengunjungi Sultan Sambas, iaitu Sultan Muhammad Safiyyuddin yang merupakan salah seorang daripada murid beliau. Ketika berada di Sambas beliau sempat menulis kitab yang berjudul *Ḍiyā' al-Murīd fī Ma'rifah Kalimah al-Tawḥīd* dan kitab ini selesai ditulis pada 18 Zulkaedah 1247H/20 April 1832M.<sup>76</sup>

**f. Patani (1247H-1248H / 1831M-1832M)**

Syeikh Daud menyahut seruan untuk berjihad mempertahankan tanahair apabila kedaulatan Patani mula terancam setelah jatuh ke bawah penguasaan Siam pada tahun 1202H/1786M.<sup>77</sup> Beliau telah bertindak menjadi ketua bagi pasukannya dalam perang Sabil menentang Siam. Malangnya, Syeikh Daud dan pasukan pimpinan beliau dapat dikalahkan oleh Siam dan mereka terpaksa berundur untuk menyusun strategi ke Pulau Duyung, Terengganu.<sup>78</sup>

**g. Mekah (1249H-1297H / 1833M-1879M)**

Selepas kekalahan dalam perang Sabil menentang Siam, Syeikh Daud bersama-sama pasukan pimpinannya yang merupakan pelarian politik, melarikan diri ke Mekah. Dalam tempoh ini, Syeikh Daud dipercayai pernah ke Terengganu untuk menziarahi sanak-saudaranya pada sekitar tahun 1262-1263H / 1845-1846M.<sup>79</sup> Semasa di Mekah, Syeikh Daud meneruskan kehidupannya seperti biasa sebagai penulis, pendidik dan ketua Syeikh Haji. Beliau meninggal dunia pada tahun 1879M/1297H,<sup>80</sup> ketika berumur 159 tahun Masihi atau 164 tahun Hijriah, di Taif

---

<sup>76</sup> Ismail Che Daud (1988), *loc. cit.*, h. 13-14.

<sup>77</sup> Azyumardi Azra (1995), *op. cit.*, h. 287-288.

<sup>78</sup> *Op. cit.*.

<sup>79</sup> *Ibid.*

<sup>80</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (2000), *loc. cit.*, h. 41.

dan dimakamkan di Taif juga berdekatan dengan kubur ‘Abd Allāh Bin ‘Abbās RA. Namun kemudiannya jenazah beliau dipindahkan ke Mekah.<sup>81</sup>

### **2.1.10 Kesimpulan**

Ketokohan Syeikh Daud sebagai seorang ulama besar dunia Melayu memang tidak dapat diragui lagi. Beliau merupakan antara ulama yang boleh dikategorikan sebagai ulama pewaris para nabi. Hal ini kerana, beliau telah menghabiskan seluruh hayat beliau melalui aktiviti penulisan dan pengajaran untuk menanam benih keislaman, kemudian menyubur dan memeliharanya daripada ancaman berbentuk ideologi ataupun fizikal yang cuba melunturkan kemurnian Islam. Peranan yang dimainkan oleh Syeikh Daud ini tidak ternilai harganya dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam di alam Melayu. Oleh itu, ketokohan beliau sewajarnya dicontohi dan setiap khazanah ilmu dan pemikiran yang ditinggalkan oleh ulama tersohor ini hendaklah diangkat dengan sewajarnya. Hal ini penting untuk mengembalikan jati diri Islam dalam kalangan umat Melayu yang seolah-olah semakin ‘tenggelam’ dalam arus kemodenan.

## **2.2 KITAB *FURŪ‘ AL-MASĀ’IL* DAN METODOLOGI PENULISANNYA**

### **2.2.1 Pengenalan**

Kitab *Furū‘ al-Masā’il* atau judul lengkapnya *Furū‘ al-Masā’il Wa Uṣūl al-Wasā’il* adalah kitab fiqh terbesar, terbilang dan terlengkap hasil karya Syeikh Daud.<sup>82</sup> Kitab ini mula ditulis pada tahun 1254H/1838M dan disiapkan pada pada waktu ‘Asar

---

<sup>81</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 24.

<sup>82</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah (1998), *loc. cit.*

tahun 1257H/1841M di Mekah.<sup>83</sup> Kitab *Furū' al-Masā'il* ini menjadi rujukan bukan sahaja di Semenanjung Tanah Melayu malah di seluruh rantau Nusantara.<sup>84</sup>

Kitab *Furū' al-Masā'il* merupakan sebuah kitab fatwa atau kitab berbentuk soal jawab yang memaparkan fiqh dalam mazhab Syafii termasuk masalah *furū'iyah* (cabang-cabang fiqh) yang kadang-kadang tidak terjangkau oleh fikiran manusia biasa. Malah, kitab ini juga adalah kitab Jawi pertama yang ditulis dalam bentuk soal jawab<sup>85</sup> yang merangkumi aspek 'ibadah dan muamalah.

Kitab ini begitu terperinci dalam membahas hukum-hakam termasuk persoalan-persoalan yang nadir. Sebahagian kecil daripada persoalan yang dikemukakan dalam kitab ini mungkin tidak pernah berlaku di atas muka bumi ini sekarang, tetapi tidak mustahil berlaku pada masa akan datang. Contohnya ialah hukum mandi wajib bagi lelaki yang masuk ke dalam faraj perempuan bukan melalui persetubuhan.<sup>86</sup>

Dalam penyelidikan ini, pengkaji merujuk kepada kitab *Furū' al-Masā'il* yang diterbitkan oleh Maṭba'ah Bin Ḥalabī. di Patani, Thailand. Editor bagi kitab *Furū' al-Masā'il* dalam terbitan ini ialah Uthman Ṣaleh al-Azhari. Dalam penerbitan ini, kitab *Furū' al-Masā'il* mempunyai dua jilid dengan 663 halaman. Jilid pertama mempunyai 274 halaman dan jilid kedua pula mengandungi 389 halaman. Saiz kitab ini ialah 28 X 19 cm.

---

<sup>83</sup> Daud Bin 'Abdullah al-Faṭāni (t.t), *Furū' al-Masā'il Wa Uṣūl al-Wasā'il*, j. 1&2. Patani: Matba'ah Bin Halabi.

<sup>84</sup> Abdul Kadir Bin Haji Muhammad (1996), *Sejarah Penulisan Hukum Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 44.

<sup>85</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990), *loc. cit.*, h. 86.

<sup>86</sup> *Furū' al-Masā'il*, j.1: *Bāb al-Ghusl*, s.82, h. 33; Rujuk juga contoh lain: *Bāb al-Najāsah*, s.118, h. 36; *Bāb Ṣalāh al-Kusūfayn*, s.381, h. 140.

## 2.2.2 Metodologi Penulisan Kitab *Furū' al-Masā'il*

### 2.2.2.1 Susunan Tajuk:

Setiap tajuk perbincangan dalam kitab *Furū' al-Masā'il* ini menggunakan perkataan *Kitāb*, *Bāb* dan *Faṣal*. *Kitāb* adalah merujuk kepada tajuk utama; contohnya *Kitāb Ṭahārah*. *Bāb* pula adalah pecahan atau sub-topik kepada *Kitāb*; contohnya *Bāb Asbāb al-Ḥadath* (Sebab-sebab Berlaku Hadas). *Faṣal* pula merupakan persoalan yang lebih kecil dalam *Bāb*, contohnya *Faṣl fī mā Yuṭlab fī al-Ṭawāf* (Perbuatan yang Dituntut Ketika Tawaf) yang merupakan persoalan yang lebih kecil dalam *Bāb Ṣifah al-Nusuk* (Ciri-ciri Ibadat Haji).

Walau bagaimanapun, tidak semua *Kitāb* mempunyai *Bāb* dan tidak semua *bāb* mempunyai *Faṣal*. Terdapat tiga *Kitāb* dalam bahagian fiqh 'ibadah yang tidak mempunyai *Bāb* dan *Faṣal*, iaitu *Kitāb al-I'tikāf* (Iktikaf), *Kitāb al-Aṭ'imah* (Makanan) dan *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā'ih* (Perburuan dan Penyembelihan).

### 2.2.2.2 Kandungan:

Jilid **pertama** kitab *Furū' al-Masā'il* yang mengandungi 274 halaman ini dimulakan dengan Kata Pengantar dari penulis kitab ini pada halaman 2-3 dan diteruskan dengan perbincangan tentang Tauhid (Usuluddin) pada halaman 3-15. Seterusnya perbincangan tentang Fiqh 'Ibadah yang bermula dengan *Kitāb al-Ṭahārah* (Bersuci) pada halaman 15-49, *Kitāb al-Ṣalāh* (Solat) pada halaman 49-150, *Kitāb al-Janā'iz* (Jenazah) pada halaman 150-184, *Kitāb al-Zakāh* (Zakat) pada halaman 184-211, *Kitāb al-Ṣawm* (Puasa) pada halaman 211-222, *Kitāb al-I'tikāf* (Iktikaf) pada halaman 222-225, *Kitāb al-Ḥajj wa al-'Umrah* (Haji dan Umrah) pada halaman 225-260, *Kitāb al-Aḍhiyah* (Korban) pada halaman 260-267, *Kitāb al-Aṭ'imah* (Makanan)

pada halaman 267-271, dan diakhiri dengan *Kitāb al-Ṣayd wa al-Dhabā'ih* (Perburuan dan Penyembelihan) pada halaman 271-274.

Jilid **kedua** kitab *Furū' al-Masā'il* ini pula mengandungi 389 halaman. Jilid kedua ini dimulai dengan perbincaraan tentang Fiqh Muamalah pada halaman 2-134, *Kitāb al-Farā'id* (Faraid) pada halaman 134-149, *Kitāb al-Waṣīyah* (Wasiat) pada halaman 149-161, Fiqh Munakahat pada halaman 161-294, *Kitāb al-Jināyah* (Jenayah) pada halaman 295-335, *Kitāb al-Jihād* (Jihad) pada halaman 335-345, *Kitāb al-Sabq wa al-Ramy* (Perlumbaan dan Memanah) pada halaman 345-347, *Kitāb al-Aymān* (Sumpah) pada halaman 347-356, *Kitāb al-Kaffārah* (Kafarah) pada halaman 356-357, *Kitāb al-Nadhr* (Nazar) pada halaman 357-360, *Kitāb al-Qaḍā'* (Kehakiman) pada halaman 360-370, *Kitāb al-Shahādāt wa al-Bayyināt* (Persaksian dan Keterangan) pada halaman 370-379 dan *Kitāb al-Itq* (Memerdekakan Hamba) pada halaman 379-388.

Pada bahagian tepi kitab *Furū' al-Masā'il* ini dicetak kitab *Kashf al-Ghummah* yang juga merupakan hasil tulisan Syeikh Daud.

Dalam jilid pertama kitab *Furū' al-Masā'il* ini, terdapat perbincaraan mengenai Usuluddin yang diletakkan pada bahagian permulaan kitab ini. Namun perbincangan itu tidak menjadikan kitab ini sebagai kitab Usuluddin atau bukan kitab fiqh. Hal ini kerana perbincaraan mengenai Usuluddin hanya meliputi dua peratus sahaja daripada keseluruhan perbincangan mengenai fiqh.

### **2.2.2.3 Sumber Rujukan:**

Syeikh Daud telah menyatakan dalam Kata Pengantar kitab *Furū' al-Masā'il* ini bahawa beliau merujuk kepada dua buah kitab iaitu *al-Fatāwā* karya oleh al-Shaykh



Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad Bin Ḥamzah al-Ramlī dan kitab *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* oleh al-Shaykh Ḥusayn bin Muḥammad al-Maḥallī dalam penulisan kitab ini.

Kitab *al-Fatāwā* dan kitab *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām* merupakan rujukan utama beliau dalam menulis kitab *Furū‘ al-Masā’il*. Hal ini kerana terdapat beberapa lagi nama ulama dan kitab lain yang turut disebut sebagai rujukan beliau dalam beberapa persoalan yang terdapat dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini seperti Imām al-Nawawī dan Shaykh Ibn Ḥajar al-Haytamī.

#### **2.2.2.4 Latar Belakang Penulisan:**

Menurut Syeikh Daud, beliau menulis kitab ini untuk berkongsi dan memberi pendedahan kepada golongan terpelajar dan masyarakat awam dalam kalangan umat Islam tentang sejumlah soal jawab dalam permasalahan cabang fiqh (*furū‘ fiqhīyyah*) yang dinukil dan disusun daripada dua buah kitab iaitu *al-Fatāwā* dan *Kashf al-Lithām ‘an As’ilah al-Anām*. Soal jawab dalam permasalahan cabang fiqh itu pada pendapat beliau sangat bermanfaat dan indah ibarat mutiara yang berkilauan dan manikam yang bergemerlapan.

#### **2.2.2.5 Bahasa:**

Dalam menulis kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini, Syeikh Daud pada keseluruhannya menggunakan gaya bahasa yang mudah dan terus kepada maksud yang ingin disampaikan. Hal ini menjadikan perbincangan dalam kitab ini mudah untuk difahami.

Setiap tajuk, sama ada tajuk utama atau pecahannya dalam kitab *Furū‘ al-Masā’il* ini kekal ditulis dalam bahasa Arab. Selain itu, perbincangan mengenai

setiap persoalan dalam kitab ini menggunakan banyak istilah dan kalimah Arab yang dikekalkan dalam bentuk asalnya tanpa diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu.

### **2.3 Kesimpulan**

Dalam menulis kitab *Furū' al-Masā'il* ini, Syeikh Daud pada keseluruhannya menggunakan gaya bahasa yang mudah dan terus kepada maksud yang ingin disampaikan. Hal ini menjadikan perbahasan dalam kitab ini mudah untuk difahami.